

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 16 SEPTEMBER 2025

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA : 5
SURAT

PADU minimumkan risiko keciciran penerima subsidi bersasar RON95

BH Selasa, 16 September 2025

Nasional



PADU minimumkan risiko keciciran penerima subsidi bersasar RON95

Pelbagai langkah perkemas data wajar dilaksana jamin pelaksanaan lebih menyeluruh

Oleh Hazwan Faisal Mohamad
hazwanfaisal@bh.com.my

Kuala Lumpur: Penggunaan maklumat dalam Sistem Pangkalan Data Utama (PADU) bersama data daripada pelbagai agensi kerajaan akan meminimumkan risiko golongan tertentu daripada tercicir menerima manfaat penyasaran subsidi RON95, demikian menurut penganalisis.

Perunding Kanan Global Asia Consulting, Samirul Ariff Othman, berkata sistem baharu itu bagaimanapun tidak menjamin capaian 100 peratus kepada semua yang layak, namun direka bentuk untuk meminimumkan keciciran dengan ketara.

Katanya, antara kekuatan sistem itu ialah penggunaan data rentas agensi, dan bukannya bergantung sepenuhnya kepada pangkalan data PADU semata-mata.

"Selain itu, kaedah bayaran terus melalui MyKad memudahkan capaian rakyat, manakala

ruang untuk membuat rayuan turut disediakan sebagai mekanisme pembetulan manual.

"Bagaimanapun, beberapa risiko utama dikenal pasti. Golongan bekerja dalam ekonomi gig, sektor tidak formal, atau yang bergantung kepada *cash economy* berisiko tidak tersenarai kerana tiada rekod rasmi seperti e-filing atau caruman Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) dan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP).

"Selain itu, individu muda yang belum bekerja, suri rumah, serta pesara bukan penerima pencen boleh berada dalam zon kelabu kerana ketiadaan aktiviti rasmi dalam sistem. Perubahan pendapatan isi rumah yang tidak sempat dikemas kini juga boleh menyebabkan ketidakpadanan dengan data semasa," katanya kepada BH.

BH semalam melaporkan maklumat dalam sistem PADU akan digunakan untuk rujukan silang, bersama data daripada pelbagai agensi kerajaan dalam menentukan kriteria dan kelayakan penerima subsidi petrol RON95 yang bakal dilaksanakan dalam masa terdekat ini.

Menteri Kewangan II, Datuk Seri Amir Hamzah Azizan, berkata PADU digunakan sebagai pengesahan kelayakan subsidi petrol RON95, memandangkan ia bukan saja mengandungi maklumat yang dikemas kini oleh rakyat secara sukarela, malah tu-

PADU, data agensi lain jadi rujukan subsidi bersasar RON95

Keratan akhbar BH semalam.

rut menggabungkan data daripada pelbagai agensi kerajaan.

Bellau berkata, PADU adalah antara pangkalan data yang menjadi rujukan Kementerian Kewangan untuk menjana kriteria penentuan kelayakan penerima subsidi kerana ia adalah repositori data profil individu dan isi rumah warga negara serta pemastautin tetap di Malaysia.

Dehati komuniti rentan

Mengulas lanjut, Samirul berkata, bagi mengurangkan risiko itu, beberapa cadangan dasar diemukakan, antaranya memperhebatkan program 'outreach' kepada komuniti rentan melalui pihak berkuasa tempatan (PBT), masjid dan badan bukan kerajaan (NGO).

"Kerajaan juga disaran membenarkan PADU dikemas kini secara berkala, sekurang-kurangnya setiap enam bulan, selain mewujudkan audit bebas serta

laporan berkala mengenai prestasi penyasaran subsidi RON95 selepas pelaksanaan.

"Mekanisme pemantauan kadar keciciran sebenar turut dicadangkan, melalui saluran sistem aduan rakyat dan laporan media, bagi memastikan subsidi itu benar-benar sampai kepada golongan yang berhak," katanya.

Kerajaan akan melaksanakan subsidi petrol RON95 secara bersasar mulai akhir September ini, dengan PADU dijadikan asas utama bagi memastikan hanya golongan layak menerima manfaat.

PADU diwujudkan oleh Kementerian Ekonomi sebagai sistem data bersepadu yang menghimpunkan maklumat profil individu dan isi rumah rakyat Malaysia termasuk pemastautin tetap, dengan kerjasama pelbagai agensi kerajaan seperti Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN), PER-

KESO, Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), KWSP, JPA, Kementerian Pengangkutan dan Suruhanjaya Syarikat Malaysia.

Fungsi PADU dalam konteks subsidi RON95 merangkumi rujukan silang data rasmi, pengesahan kelayakan secara automatik, serta penyediaan saluran rayuan untuk menangani kes yang tercicir atau luar kebiasaan.

Mekanisme ini tidak hanya bergantung pada pendaftaran sukarela semata-mata, sebaliknya menggunakan data daripada pelbagai agensi kerajaan.

Namun, isu pendaftaran masih membimbangkan apabila setakat akhir Mac 2024 hanya 10.8 juta rakyat, bersamaan 48.3 peratus, mendaftar secara sukarela berbanding sasaran minimum 50 peratus.

Situasi ini menimbulkan risiko segelintir individu berpendapatan rendah tercicir daripada skim subsidi bersasar.

"Antara kekuatan sistem itu ialah penggunaan data rentas agensi, dan bukannya bergantung sepenuhnya kepada pangkalan data PADU semata-mata"

Samirul Ariff Othman,
Perunding Kanan Global Asia Consulting

